

# Budaya mengajar tak patut terhenti

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@  
bharian.com.my.**

**S**aya tertarik dengan apa yang dibicarakan dalam rencana Kunta Kinte bertajuk 'Barat cipta teknologi, kita malas mengkaji'. Tapi rasanya tidak adil kalau pukul rata kerana masih ramai kalangan masyarakat kita yang bersemangat untuk menimba ilmu.

Saya bersetuju dengan Kunta Kinte apabila beliau menyentuh bagaimana proses pembelajaran itu harus berlaku secara berterusan. Cuma saya ingin kemukakan penambahan, iaitu selain keinginan belajar; pada masa sama proses pengajaran juga harus berterusan. Bagaimana hendak belajar kalau tidak ada ruang dan bahan untuk belajar atau tidak ramai yang mahu mengajar?

### Masyarakat Barat tak gemar duduk diam

Berdasarkan pemerhatian saya, kalangan masyarakat Barat dan bukan Islam tidak gemar duduk diam hatta selepas lanjut usia. Bukan saja yang berusia itu sentiasa seronok untuk belajar dan meningkatkan kemahiran, bahkan ramai kalangan mereka yang sentiasa



Semangat **mengajar dan belajar** wajar dititikberatkan.

bersemangat untuk menyumbang ilmu dan kemahiran kepada orang lain.

Sedangkan dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama Melayu-Islam, ramai yang cenderung melupakan zaman pekerjaan dan profesion mereka sebaik melepasi usia penen kerana ingin menumpukan kepada keluarga dan ibadah saja. Bukan saja fokus bidang pembelajaran itu sudah mengecil kepada hal kegamaan, tetapi kesediaan mereka untuk mengajar juga mungkin sudah kurang.

### Dr Mahathir contoh terbaik

Satu contoh terbaik yang ingin saya ketengahkan berhubung sikap suka mengajar ini ialah seperti yang dipamerkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang masih lagi ligat walaupun beliau

pada generasi muda.

Mujurlah Tun Dr Mahathir masih ligat. Hasilnya ramai kalangan masyarakat termasuk saya yang boleh membaca penulisan Tun Dr Mahathir dan mempelajari pengalaman, pemikiran, idea dan sebagainya untuk dimanfaatkan.

### Budaya minat kongsi ilmu

Justeru, selain menggalakkan masyarakat menimba ilmu, tumpuan juga harus diberikan untuk membudayakan minat berkongsi ilmu dan menyediakan bahan pembelajaran berkualiti yang mudah diperolehi dan dimanfaatkan mereka yang berminat menimba ilmu.

Selain semangat untuk belajar, keinginan mereka yang berilmu untuk mengajar dan berkongsi ilmu juga harus dititikberatkan kerana keduanya saling bergantung. Tiada guru, tiada murid. Tiada murid, tiada guru.

### Keindahan budaya Islam

Di sini kita dapat lihat bagaimana keindahan budaya Islam yang menggalakkan budaya ilmu. Bukan saja kita diseru untuk belajar, bahkan pada masa sama Nabi Muhammad SAW juga menyeru umat Islam mengajar saudara-saudaranya. Saya pernah terbaca hadis bermaksud 'ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang dipelajari dan disampaikan pula kepada saudara seIslam yang lain'. Ada banyak hadis yang merujuk kelebihan menyumbang ilmu sebenarnya.

Justeru, ketika kita menggalakkan budaya pembelajaran berterusan, budaya suka mengajar dan berkongsi ilmu juga harus diperhebatkan.

**Mohd Yunus Sharum**  
Universiti Putra Malaysia

“  
*Selain semangat untuk belajar, keinginan mereka yang berilmu untuk mengajar dan berkongsi ilmu juga harus dititikberatkan kerana keduanya saling bergantung*”

sebenarnya boleh berheat.

Budaya gila bekerja seperti Tun Dr Mahathir memang kurang di kalangan masyarakat kita. Sedangkan golongan profesional yang sudah berusia sebenarnya masih perlu menyumbang kerana pengetahuan, kemahiran dan semestinya pengalaman yang mereka miliki sangat berharga untuk diperturunkan ke-